

Wartawan Utusan lalui detik cemas kenderaan dihanyutkan arus banjir

BALING 20 Nov. - Seorang wartawan sambilan *Utusan Malaysia* melalui detik-detik cemas yang berisiko meragut nyawanya apabila kenderaan pacuan empat roda dipandunya dihanyutkan banjir kilat di Jalan Binjul, Tawar, di sini semalam.

Dalam kejadian kira-kira pukul 5.15 petang itu, Azman Md. Noor, 45, yang berada seorang diri dalam kenderaan itu dalam perjalanan meninjau keadaan banjir di Kampung di Malau, Kejai dan Kuala Bakong.

Azman berkata, sebaik sahaja memasuki kawasan banjir, dia memandu kenderaan untuk mengharungi air yang melimpahi jalan dengan ketinggian melebihi tayar kenderaan air.

Namun katanya, tiba-tiba arus air semakin deras akibat limpahan air dibawa dari atas bukit menyebabkan kenderaannya tidak boleh dikawal lalu dihanyutkan sejauh empat meter sebelum enjin mati secara

tiba-tiba.

"Situasi cemas bila kenderaan saya dibawa arus kuat, saya cuba menghidupkan kembali enjin dengan cuba menolak gear dan alhamdulillah akhirnya enjin berjaya dihidupkan semula," katanya ketika menceritakan pengalaman itu.

Menurutnya, dia hanya bertawakal kepada Allah apabila kenderaannya dibawa arus dalam keadaan hujan lebat semasa kejadian.

Namun, katanya, kenderaan itu berjaya digerakkan ke kawasan selamat dan bersyukur kerana terselamat tanpa sebarang kecederaan.

Akibat banjir kilat itu, katanya, terdapat kira-kira 10 buah motosikal dan lima kenderaan yang terperangkap dan rosak di kawasan berkeadaan.

Menurutnya, sebelum memasuki kawasan banjir itu banyak kenderaan telah memberi isyarat supaya berhati-hati melalui lampu kende-

raan masing-masing.

Azman kemudian menghubungi Ketua Polis Baling, Supritendan Mat Daud Mat Hasan untuk memaklumkan kejadian itu sambil meminta pihak polis mengawal keadaan kerana kawasan tersebut berhampiran sawah terbiar dan dibimbangi sesuatu kejadian tidak diingini.

Mat Daud kemudian segera menghubungi kenderaan peronda untuk mengawal keadaan jalan tersebut yang dilanda banjir hampir empat jam.

"Kita harap pengguna yang menggunakan kenderaan ringan ataupun motosikal agar tidak menggunakan laluan itu sekiranya banjir berlaku," katanya.

Menurutnya, polis sering memberi perhatian terutama menjaga keselamatan pengguna jalan raya apabila berlaku hujan lebat kerana jalan itu sering terlibat dengan banjir kilat setiap kali hujan lebat.